

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **TUAN WONG CHEN**  
**KAWASAN** : **KELANA JAYA**  
**TARIKH** : **20 MAC 2018**  
**NO. SOALAN** : **35**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah geran kewangan yang pihak Kerajaan akan berikan kepada **PROTON** bagi tahun 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak ditubuhkan pada tahun 1983, **PROTON** telah banyak menyumbang dan memberi manfaat yang besar kepada pembangunan industri automotif di Malaysia. Sepanjang 34 tahun, **PROTON** telah melalui beberapa pertukaran hak milik pegangan syarikat yang melibatkan kepentingan saham Kerajaan sehinggalah tahun 2012, apabila **PROTON** menjadi sebuah entiti swasta yang dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan **DRB-HICOM**.

Dari tahun 1984 sehingga sekarang, Kerajaan telah menyalurkan pelbagai bantuan kewangan yang merangkumi pinjaman mudah (soft loan), geran R&D, pengecualian cukai serta insentif-insentif galakan cukai dalam usaha memacu **PROTON** menjadi lebih berdaya saing.

73

Bantuan Kerajaan kepada PROTON dianggarkan berjumlah RM16.4 bilion iaitu RM3.8 bilion dalam bentuk pinjaman mudah dan geran dan RM12.6 bilion dalam bentuk pengecualian cukai.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2018, Kerajaan tidak menyalurkan sebarang geran kewangan kepada PROTON. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap perkembangan semasa PROTON memandangkan PROTON merupakan sebuah syarikat yang penting dalam ekosistem industri automotif di Malaysia.

Kerjasama strategik di antara PROTON dan Geely, yang telah diumumkan pada 23 Jun 2017 dijangka akan memberi impak yang positif kepada industri automotif negara dan impak ini dapat dilihat mulai tahun 2018.

Antara faedah-faedah yang diperolehi hasil perkongsian strategik di antara PROTON dan Geely adalah:

- a) perkongsian model dan platform (*shared platform*) daripada Geely. Kedua-dua pihak yang akan berkongsi sumber membangunkan produk baharu yang merangkumi elemen teknologi serta aktiviti R&D termasuk dari segi proses pembuatan produk itu sendiri. Platform pertama yang dikongsi oleh Geely akan menjadi model SUV pertama PROTON;

- b) membantu PROTON menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi (*economies-of-scale*) yang lebih berdaya maju;
- c) berpeluang untuk memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran sedia ada Geely di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan PROTON meningkatkan jualan kepada 500,000 unit setahun;
- d) menjadikan PROTON sebagai pusat pembuatan model-model Geely bagi pemanduan sebelah kanan (*right-hand drive*);
- e) pengiktirafan pusat R&D Proton sebagai salah satu Pusat Kecemerlangan Global oleh Geely. Pekerja dan jurutera PROTON berpeluang untuk meningkatkan pembangunan modal insan melalui program pertukaran bakat melibatkan pusat rekabentuk dan R&D Kumpulan Geely di California, Shanghai, Barcelona and Goternburg;
- f) kerjasama dalam pemindahan operasi perkilangan ke Tanjung Malim dalam tempoh 5 tahun. PROTON Tg Malim juga berpotensi untuk melaksanakan pemasangan kereta-kereta Volvo dan model-model Kumpulan Geely yang lain; dan
- g) vendor tempatan akan berpeluang untuk mendapat kerjasama teknikal bagi meningkatkan daya saing dan penglibatan dalam *supply chain* Geely dan pasaran eksport serantau.

Sekian, terima kasih.